



Submission: 15/02/2022 Accepted: 09/06/2022 Published: 29/09/2022  
DOI: 10.33102/abqari.vol27no1.524

## SPIRITUAL INDIVIDU MENURUT PSIKOSPIRITUAL NABAWI UNTUK PEMULIHAN GOLONGAN LGBT

### *Individual Spiritual According to Prophetic Psychospiritual for the Rehabilitation of LGBT*

Suriani Sudi<sup>a</sup>, Noor Hafizah Mohd. Haridi<sup>a</sup>, Khairul Hamimah  
Mohammad Jodi<sup>b</sup>, Ahmad Munawar Ismail<sup>c</sup>, Nasrudin Subhi<sup>c</sup>, Siti Solehah Mat  
Aleh<sup>d</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS

<sup>b</sup>Open Universiti Malaysia

<sup>c</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>d</sup>Pembantu penyelidik

suriani@kuis.edu.my

### Abstract

The increasing issues of transgenderism has become a local and global phenomenon. It is clear that transgenderism is prohibited in Islam as it involves sexual orientation and social appearance. However, this lifestyle that against the normal practice of a human being has been normalised and accepted in many countries and started to gain acceptance into the Islamic community in Malaysia. This misconduct behaviour must be controlled as to ensure the sustainability of social culture in Malaysia. Hence, this research aimed to utilize prophetic psychospiritual approaches in the rehabilitation of transgender towards recovery to its nature. The method used in this research is qualitative studies on hadeeth that emphasize the spiritual aspects of a person. Researchers have found that the elements of patience, *raja'*, *khawf* and religious appreciation are amongst the most important elements need to be seeded in the rehabilitation of LGBT members towards recovery to one true self.

Keywords: Spiritual, Psychospiritual, Rehabilitation, LGBT, Nabawi.

### Abstrak

Isu transgender yang semakin melonjak merupakan antara yang dihadapi masyarakat dunia umumnya dan masyarakat Malaysia khususnya pada hari ini. Secara jelas perlakuan transgender adalah dilarang di dalam Islam kerana ia melibatkan soal penampilan dan orientasi seksualiti. Namun gejala perlakuan dan tabiat yang bertentangan dengan sistem kehidupan normal seseorang manusia telah menjadi suatu perkara yang biasa dan telah menjadi cara hidup yang diterima oleh masyarakat luar dan kini sedang meresap masuk ke ruang atmosfera kehidupan masyarakat Islam di Malaysia. Gejala ini wajib dibendung bagi menjamin kelestarian kehidupan sosial masyarakat di Malaysia. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk membawakan pendekatan psikospiritual nabawi untuk diterapkan dalam proses pemulihan golongan transgender kembali kepada fitrah. Kaedah kajian adalah secara kualitatif dengan meneliti hadis-hadis Rasul SAW yang menekankan aspek spiritual individu. Pengkaji mendapati elemen sabar, raja', khawf dan penghayatan agama adalah merupakan antara elemen penting yang perlu diterapkan sebagai usaha pemulihan untuk golongan LGBT ini kembali kepada fitrah.

Keyword: Spiritual, Psikospiritual; Pemulihan; LGBT; Nabawi.

### PENGENALAN

Isu berkenaan dengan Lesbian, Gay, Biseksual, Transeksual/Transgender atau lebih dikenali sebagai “LGBT” bukanlah isu baru di Malaysia. LGBT ini dikatakan telah bertapak dalam negara ini sejak awal tahun 1980 dengan kegiatan mak nyah dan pondan (Noor Hafizah & Norsaleha 2016). Fenomena Lesbian, Gay, Biseksual & Transgender (LGBT) semakin hari semakin menjadi isu utama yang mendorong wujudnya tingkah laku songsang dalam kalangan masyarakat di Malaysia, terutama dalam kalangan generasi muda. Budaya LGBT sememangnya menyimpang daripada norma masyarakat di Malaysia terutama apabila ia melibatkan isu berkaitan agama dan budaya di negara ini. Kewujudan fenomena ini mencetuskan kontroversi terutamanya apabila ia benar-benar menyimpang daripada ajaran agama Islam yang sebenar sedangkan Malaysia merupakan salah sebuah negara yang berpegang kepada ajaran Islam sebagai agama rasmi (Suhaya, 2013).

Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) atau lebih dikenali sebagai golongan “transgenders” dan “transsexual” ialah individu atau kumpulan yang mengalami ketidakstabilan jantina dan kerumitan seksualiti (Azman 2019). Lesbian merujuk kepada wanita yang mempunyai daya tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya atau disebut juga perempuan homoseksual. Gay ditakrifkan sebagai lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya dan dikenali juga dengan istilah lelaki homoseksual. Biseksual pula ialah seseorang yang cenderung untuk melakukan hubungan seks dengan lelaki dan juga wanita. Transeksual ialah

seseorang lelaki atau perempuan yang berperasaan dan berpenampilan yang bertentangan dengan kejadian asal dan kadang-kadang menukar organ jantintanya melalui pembedahan (Noresah Baharom 2015).

Justeru, dapat difahami golongan transgender ini merupakan golongan yang terkeliru mengenai jantina mereka secara emosi sehingga mewujudkan identiti diri yang berbeza dengan orientasi asal seksualiti mereka samada lelaki mahupun wanita, malah berkesanggupan berusaha mengubah jantina melalui pembedahan atau penggunaan hormon. Golongan ini bukanlah mereka yang dilahirkan sebagai *khunsa* (interseks) yang mengalami masalah alat reproduksi, organ pembiakan luaran atau dalaman, mahupun hormon dan kromosom (Norafifah, et. al. 2015)

Gejala sosial yang kian melanda masyarakat di Malaysia seolah-olah tiada penghujung, malah semakin berleluasa saban hari. Sejak akhir-akhir ini, kegiatan LGBT semakin mendapat perhatian dan acap kali dijadikan bahan perbualan dalam kalangan anggota masyarakat. Masyarakat luar telah menerima cara hidup LGBT dan budaya itu kini telah mula meresap masuk ke dalam kehidupan masyarakat Islam di Malaysia. Namun, masyarakat Malaysia sangat sensitif dengan gaya hidup yang menyalahi tuntutan agama dan tatasusila budaya timur apatah lagi dengan perlakuan yang menyalahi tabii manusia (Mahfudzah, 2015).

Kumpulan minoriti ini perlu ditangani dan dibantu secara bijaksana agar mereka kembali kepada fitrah mengikut susur galur Islam yang sebenar. Justeru, artikel ini akan membincangkan topik berkaitan Spiritual Individu Menurut Psikospiritual Nabawi Untuk Pemulihan Golongan LGBT. Kajian ini penting bagi menyumbang kepada usaha-usaha pemulihan LGBT oleh pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan. Kajian ini memfokuskan komponen dan elemen-elemen pemulihan menurut psikospiritual nabawi bagi membantu golongan LGBT kembali kepada fitrah yang asal dan dapat menjalani kehidupan secara normal.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data dikumpulkan melalui kajian kepustakaan dengan menggunakan metode analisis kandungan. Penulis memilih hadis-hadis yang mempunyai kaitan dengan spiritual sebagai pemulihan untuk golongan LGBT. Penulis kemudiannya meletakkan tema yang bersesuaian terhadap hadis yang ditemui berdasarkan huraian dan penjelasan ulama terhadap hadis-hadis tersebut.

## DAPATAN KAJIAN

Perkataan spiritual didefinisikan dalam Kamus Dewan (1996) sebagai bersifat rohani dan jiwa yakni bukan bersifat fizikal dan jasmani. Spirit juga disebut sebagai rohani dalam Kamus Webster (1963). Begitu juga kamus al-Mawrid yang menyebut spirit itu sebagai roh (Munir Ba’albaki 1994). Abdul Mujib dan Mudzakkir (2002) menegaskan bahawa spirit dalam Islam mempunyai makna yang sama dengan al-ruh. Maka boleh kita katakan di sini bahawa perkataan roh dalam epistemologi Islam adalah menggambarkan kepada maksud spiritual yang biasa disebut oleh para sarjana moden pada hari ini.

Fariza (2013) menjelaskan lagi bahawa spiritual ini bersifat dalaman yang mempengaruhi penjelmaan personaliti seseorang. Ia merupakan unsur yang berdiri dalam rohani manusia dan mencorakkan segala yang berhubung dengan sikap, pandangan, persepsi dan motivasi seseorang. Dalam konteks Islam, spiritual atau kerohanian mempunyai hubungan langsung dengan Allah. Al-Quran dengan jelas menegaskan tentang roh sebagai salah satu urusan Tuhan yang tidak didedahkan kepada pengetahuan manusia melainkan hanya sedikit sahaja.

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

Maksudnya: Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja". (al-Isra': 85)

Maka pendefinisian ini menunjukkan agama menjadi medium dalam membentuk spiritual dan jati diri seseorang.

Spiritual itu adalah sangat penting kepada setiap muslim kerana Allah SWT telah mengaitkan pembangunan, perkembangan dan jatuh bangunnya seseorang malah sesebuah masyarakat dengan hati dan spiritual mereka. Perkara ini jelas di dalam ayatNya;

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. (al-Ra'd: 11)

Hakikat insan menurut Islam terdiri dari dua unsur iaitu rohani dan jasmani yang mana keduanya merupakan satu kesatuan. Oleh itu, apabila ia berfungsi dengan baik,

maka kehidupan insan menjadi baik dan hidup seairan dengan fitrah semulajadi insan yang diciptakan oleh Allah SWT.

Psikospiritual pula merujuk kepada satu kaedah yang mengintegrasikan unsur psikologi dan kerohanian. Psikospiritual boleh dianggap sebagai akar kekuatan, terutamanya kepada mereka yang menghadapi kesukaran dalam hidup sebagai sumber kerohanian yang mampu memberikan aura positif dan ketenangan kepada minda dan jiwa (Khatijah Othman et. al. 2020). Psikospiritual Islam boleh diertikan sebagai satu kaedah perawatan kejiwaan dan kerohanian yang berteraskan kepada sumber-sumber keTuhanan dan amalan-amalan Islam yang bersumberkan al-Quran, sunnah dan amalan para salafus saleh yang tidak bercanggah dengan prinsip syariah. Pada umumnya psikospiritual Islam boleh diaplikasikan dalam penyembuhan pelbagai konflik kejiwaan, emosi dan pemikiran manusia (Mohd Rushdan & Ahmad Bukhari 2015). Walau bagaimanapun untuk kertas ini, fokus akan diberikan hanya kepada psikospiritual nabawi yang bermaksud perawatan kejiwaan dan kerohanian yang berteraskan kepada hadis dan sunnah Rasulullah SAW. Psikospiritual nabawi ini bertujuan untuk mengembalikan, memulihkan, menguatkan, membangkitkan aspek-aspek kerohanian seseorang insan itu sehingga ianya mampu menjadi penawar secara fitrah dan semulajadi kepada masalah atau cabaran LGBT ini.

Kumpulan LGBT merupakan komuniti yang perlu dibantu dalam proses pemulihan. Untuk itu, kertas kerja ini menekankan pemulihan dari kemelut LGBT yang boleh dicapai dengan menggunakan kekuatan dalaman dan kerohanian yang dimiliki oleh seseorang.

Maka dalam ruang yang terbatas ini kertas ini akan menumpukan kepada beberapa elemen spiritual berdasarkan psikospiritual nabawi dalam rawatan untuk kembalikan golongan yang terjebak dengan LGBT ini kepada fitrah.

### 1. Sabar

Orang yang sabar akan sentiasa bersinar dan bercahaya. Hadis yang berikut menyifatkan mereka yang bersabar mempunyai sinar atau ضياء ضياء adalah cahaya yang kuat dan cahaya yang membakar seperti cahaya matahari (Ibn Rajab (2004) dan ia memberikan maksud bahawa sifat sabar akan menyingkap kepayahan dan kegelapan (al-Hilali 2014; Mustafa 1987). Ianya disebut di dalam hadis berikut;

عَنْ أَبِي مَالِكٍ الْأَشْعَرِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ... وَالصَّبْرُ ضِيَاءٌ

Maksudnya: Dari Abi Malik al-Asy’ari berkata, Rasulullah SAW bersabda: Kesabaran adalah sinar (Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Taharah. Bab Fadl al-Wudu’. No hadis 223)

Sabar yang didefinisikan oleh al-Makki (1997: 1:346) sebagai menahan diri dari hawa nafsu, di samping memotivasikan diri agar tekun dalam beramal serta bersungguh-sungguh dalam menghadapi dugaan dan ujian yang menimpa. Oleh yang demikian, kesungguhan seseorang hamba dalam menahan diri dari hawa nafsu dan dalam menghadapi ujian akan menyuburkan ketaatan kepada Allah SWT di samping bersabar dalam memperbaiki akhlak buruk agar terbentuk akhlak yang mulia dalam pergaulan dan kelakuan. Dengan perkataan lain sabar juga boleh dikatakan sebagai *thabat* iaitu mempunyai jiwa yang kuat untuk menanggung kepayahan dan berdepan dengan kejatuhan (Miskawayh 2011).

Sabar mampu menjadi terapi kepada kecelaruan spiritual dan mental dan ia telah dibuktikan oleh ahli psikologi (Che Zarrina 2001). Akibat dari ketiadaan sifat sabar akan menyebabkan berlakunya gejala-gejala yang tidak diingini kerana kesabaran akan dapat menjadi benteng kepada kehendak hawa nafsu yang ingin melakukan perkara-perkara yang menggembirakan syahwat serta mengikut jejak syaitan (Al-Qushayri 2003)

Dalam situasi hari ini, para pelaku LGBT perlu menahan diri dari hawa nafsu dan dari melakukan perkara-perkara buruk. Untuk melakukan sedemikian, ia memerlukan kesabaran yang cukup tinggi bagi menahan hawa nafsu dan digantikan dengan perkara-perkara kebaikan seperti melakukan kerja-kerja amal, membaca, bersosial dalam landasan Islam, mengisi masa dengan sentiasa berzikir diiringi dengan berdoa agar diberi kekuatan kesabaran untuk melakukan kebaikan di samping meninggalkan perkara keburukan. Jika kesabaran ini diterapkan ke dalam jiwa para pengamal LGBT banyak masalah yang wujud dapat diselesaikan secara beransur-ansur.

## 2. *Raja’*

Menurut al-Makki (1997) *raja’* bermaksud kuatnya keinginan seseorang terhadap sesuatu apabila meminta permohonan daripada Allah SWT atau secara umumnya ialah pengharapan. Al-Makki (1997) turut menyatakan bahawa *raja’* adalah istilah yang menunjukkan kemuliaan, ihsan, perbuatan baik, keutamaan, kecintaan, kelembutan dan rasa syukur. Pengharapan juga menandakan pergantungan hidup manusia kepada Allah SWT secara mutlak. Allah SWT juga mengingatkan manusia tentang pertemuan denganNya dan melarang dari bersifat putus asa dari mengharapkan rahmatNya (Al-Makki 1997) Menurut Ibn Qayyim (1993), *raja’*

akan membuatkan hati sentiasa berhubung dengan Allah malah ia merupakan tanda ketundukan dan 'ubudiyah kepada Allah SWT.

Harapan juga dapat membangkitkan rasa keyakinan seseorang terhadap Tuhannya. Semakin tinggi keyakinan terhadap Tuhannya, maka semakin kuat pergantungan hidupnya kepada Allah SWT secara mutlak. Berdoa dengan tidak berputus asa diikuti dengan rasa pengharapan, keyakinan dan takut merupakan sikap yang perlu diperlihatkan oleh seseorang bagi melahirkan individu yang benar-benar berharap kepada Tuhannya (Al-Harith 1929).

Menurut Ibn 'al-'Uthaymin (1426H) hadis berikut merupakan hadis yang mewajibkan manusia untuk menggantung harapan yang tinggi kepada Allah hinggalah apabila bertemu Allah.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا قَضَى اللَّهُ الْخَلْقَ كَتَبَ فِي كِتَابِهِ فَهُوَ عِنْدَهُ فَوْقَ الْعَرْشِ إِنَّ رَحْمَتِي غَلَبَتْ غَضَبِي

Maksudnya; Dari Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: Ketika Allah menetapkan penciptaan makhluk, Dia menulis di dalam KitabNya, yang berada di sisiNya di atas *al-'Arasy* (yang isinya): Sesungguhnya rahmatKu mengalahkan kemurkaanKu (al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab Bad'i al-Khalqi. Bab Ma Ja'a fi Qawl Allahu Ta'ala Wa Huwa al-Ladhi Yabd'u al-Khalqi Thumma Yu'idhuhu. No hadis 3194)

Hadis ini menjelaskan akan kelembutan Allah SWT, keluasan rahmatNya dan menyatakan bahawa rahmat Allah mengatasi marahNya (al-Suyuti 1996). Allah membuka peluang bagi mereka yang melakukan dosa-dosa agar memohon ampun dariNya sehinggalah Allah mengampunkan. Hadis ini mengandungi suruhan untuk meletakkan pengharapan kepada Allah kerana rahmat Allah itu mengatasi kemarahanNya (Ibn al-'Uthaymin 1426H).

Rasa pengharapan ini perlu dipupuk dan sentiasa diperingatkan khususnya buat golongan LGBT bahawa mereka tidak pernah ditinggalkan berseorangan dalam menghadapi kemelut kehidupan. Mereka perlu diberi sokongan padu supaya mereka dapat memahami bahawa hanya Allahlah yang mesti diharapkan kerana Dia adalah Pencipta manusia dan kepadaNya lah semua manusia akan kembali, malah Dia adalah Maha Pengasih lagi Pengampun.

### 3. *Khawf*

*Khawf* merupakan istilah kepada hakikat takwa, yang meliputi segala bentuk ibadah kepada Allah SWT dalam mencapai keredaanNya. (Al-Makki 1997). Secara umumnya *khawf* membawa maksud takut (al-Marbawi 1993).

Menurut Ibn Qayyim (1993) *khawf* yang sebenar iaitu rasa takut yang melindungi diri seseorang dari perkara yang diharamkan Allah, adalah tanda kepada iman yang hidup. Takut yang sebenar adalah yang menghalang diri seseorang dari melakukan perkara yang diharamkan Allah dan ia merupakan tanda iman yang sihat. Seorang mukmin itu seharusnya ada sifat takut dengan balasan Allah, tamak dengan apa yang ada di sisi Allah dan mengharapkan keampunan dan rahmatNya (Ibn Qayyim 1993).

Menurut al-Ghazali (1953) takwa adalah mereka yang sentiasa merasakan pengawasan Allah dalam setiap tindak tanduk. Ini kerana tanda-tanda takut kepada Allah SWT adalah tindakan memelihara anggota badan seperti telinga, mata, lidah, hati, tangan dan kaki dari melakukan perkara-perkara yang dilarang. Rasa *khawf* yang melekat di hati juga menjadikan jiwa lembut justeru sentiasa sedih dan menangis kerana takutkan kebesaranNya. Tangisan tersebut menunjukkan rasa *khawf* yang mendalam kerana keikhlasan dan kekhusyukan hati sebagai seorang hamba yang hina di hadapan Penciptanya. (Al-Makki 1997)

Di dalam sebuah hadis riwayat Tirmizi, terdapat sebuah doa Nabi yang panjang, yang biasanya baginda SAW membacakan doa ini tatkala baginda SAW bersama para sahabatnya. Antara intipati doa tersebut adalah baginda SAW memohon agar Allah menganugerahkan rasa takut dari melakukan kesalahan dan maksiat.

اللَّهُمَّ اقسِمْنَا لَنَا مِنْ خَشْيَتِكَ مَا يَحُولُ بَيْنَنَا وَبَيْنَ مَعاصِيكَ

Maksudnya: Ya Allah, anugerahkanlah untuk kami rasa takut kepada-Mu, yang dapat menghalangi antara kami dan perbuatan maksiat kepada-Mu (Tirmizi, Kitab Da'awat, Bab Ma Ja'a fi 'Aqd al-Tasbih bi al-Yadd, no hadis 3502).

Dalam mensyarahkan hadis ini, Mubarakfuri (t.t) menjelaskan bahawa hati yang dipenuhi dengan rasa takut akan menghalang anggota badan dari melakukan perkara-perkara maksiat dan ditegah Allah. Oleh yang demikian, elemen *khawf* ini perlu diterapkan ke dalam jiwa golongan LGBT. Apabila lahirnya rasa takut terhadap azab Allah SWT berdasarkan panduan ayat-ayat al-Quran yang banyak menceritakan azab dan seksa pelaku dosa yang tidak bertaubat kepadaNya, ia dapat melunturkan hawa nafsu yang menggelodak dalam jiwa seseorang untuk melakukan dosa. Perasaan *khawf* ini perlu diperingatkan kepada mereka pada setiap masa dan saat sehingga mereka



benar-benar dapat merasainya dalam hati dan menunjukkannya dalam perbuatan mereka

#### 4 Penghayatan agama dan hidup beragama

Kembali kepada ajaran dan menghayati hidup beragama merupakan solusi terbaik dalam menangani permasalahan yang menimpa golongan masyarakat pada hari ini. Membangunkan penghayatan hidup beragama dalam diri seseorang merupakan pendekatan terbaik dalam membentuk diri dari pelbagai aspek. Seperti mana firman Allah SWT;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ  
لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhan, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu. (al-Baqarah: 208).

Dalam konteks agama Islam, kehidupan beragama ini disinonimkan dengan menjadikan Islam sebagai al-Din atau sebuah cara hidup yang mana ia secara automatik menuntut setiap penganutnya menghayati dan mengamalkannya secara menyeluruh sebagai seorang Muslim (Rafiza 2015). Aspek keagamaan perlu diterapkan dalam pembangunan jiwa dan spiritual seseorang kerana ia memainkan peranan yang cukup besar dalam membentuk perilaku, tindakan dan keputusan bagi seseorang. Ini bertepatan dengan sifat agama sebagai salah satu keperluan spiritual yang sentiasa mendambakan ketenangan dan kebahagiaan. Krisis kejiwaan dan ketandusan spiritual manusia di era globalisasi dapat diatasi jika manusia kembali kepada agama dan mengamalkan ajaran-ajaran agama (Che Zarrina 2004).

Penghayatan akidah sangat berkait rapat dengan penghayatan agama kerana akidah merupakan tiang utama agama (Jum'ah 1999). Oleh kerana itu, Najati (2001) berpandangan bahawa kewajipan beriman kepada Allah SWT dan menghayati segenap aspek akidah Islam adalah untuk mengubah jiwa dan rohani manusia. Al-Qaradawi (1984) menguatkan lagi kenyataan bahawa konsep penghayatan agama adalah dengan menghayati akidah sebagai pegangan hidup, ibadah sebagai amalan hidup, syariah sebagai peraturan dan pertimbangan hidup, serta akhlak mulia sebagai etika hidup termasuk menjauhi perbuatan syirik dan perbuatan-perbuatan lain yang ditegah oleh Allah SWT. Para nabi dan rasul membentuk masyarakat bermula dengan pembentukan akidah yang benar dan sahih. Hal ini menunjukkan akidah merupakan perkara penting dalam pembentukan individu dan masyarakat malah akidah merupakan asas dalam semua perkara. Akidah yang benar akan mendorong

seseorang untuk melakukan tindakan yang betul dan menjauhi perkara yang salah kerana ia sentiasa merasakan Allah memerhatikannya pada setiap masa (Aishah binti Hashimee, Mukhamad Hadi Musollin Subagio 2020)

Terdapat pengkaji yang mengatakan bahawa konsep hidup beragama adalah sama dengan takwa (Sharifah Hayaati 2017) iaitu patuh dengan perintah Allah SWT dan takut melakukan perkara yang dimurkai oleh Allah SWT. Menurut Khairul Anwar & Hasnan (2008) juga, hidup beragama bermaksud menjadikan Islam sebagai tatacara hidup yang sempurna dan diredai oleh Allah SWT berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT dan bertunjangan tauhid. Jelas di sini bahawa sumbangan akidah terhadap kerohanian menyebabkan akidah mempunyai peranan besar terhadap daya tahan.

Kerana itu, konsep penghayatan agama yang mencakupi dimensi akidah, ibadah, akhlak dan syariah ini mempunyai kaitan rapat dengan aspek dalaman atau kerohanian. Ini kerana kesempurnaan penghayatan keempat-empat dimensi yang disebutkan memberi kesan kepada kerohanian seseorang (Zulkifli & Nor Salimah 2006). Perbincangan ini bertepatan dengan pernyataan yang dibawa oleh al-Ghazali (2005) bahawa akidah dan keimanan mempunyai kesan kepada rasa taat di dalam hati manusia dan kerohanian di dalam jiwanya.

Dalam memastikan hidup beragama, baginda SAW mengingatkan umatnya agar sentiasa menjaga iman dalam kehidupan dan tidak mengikut hawa nafsu. Baginda SAW mengingatkan agar sentiasa menjaga kehidupan beragama dan ia terkandung dalam doa yang baginda SAW ajarkan;

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ لِي دِينِي الَّذِي هُوَ عِصْمَةٌ أَمْرِي

Maksudnya: Ya Allah perbaikilah agamaku untukku yang ia merupakan benteng pelindung bagi urusanku (Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Zikr wa al-Du'a' wa al-Tawbah wa al-Istighfar. Bab al-Ta'awwuz min Syarri Ma 'Amila. No hadis 4897)

Dhiya' al-Din (1996) menjelaskan hadis ini memberikan maksud akan kepentingan beragama kerana sekiranya agama rosak akan hancurlah kehidupan seseorang di dunia dan akhirat. Justeru, hidup beragama berupaya menanamkan keimanan dalam diri dan memelihara diri dari daripada melakukan perkara yang terseleweng dari agama (Ibnu Qayyim 1983). Selain memberi ketenangan emosi (Hasnan Kassan 2002) dan meningkatkan keyakinan dalam diri manusia (al-Qaradawi 1998), hidup beragama juga memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan personaliti (Ahmad Raba, 2001; Jamiah Manap, 2005).

Terdapat banyak kajian yang menyatakan bahawa hidup beragama dapat menangani permasalahan akhlak dan sosial. Antaranya kajian Fauziah (2012) mendapati hidup beragama dapat mencegah seseorang terlibat dengan aktiviti tidak bermoral dan menyalahi undang-undang negara (Fauziah et al., 2012). Sharifah et al. (2010) mendapati hidup beragama juga memberi kekuatan untuk berdepan dengan cabaran yang negatif .

Untuk itu, hidup beragama perlu dibangunkan dan diperkasakan dalam diri golongan LGBT. Ini kerana hidup beragama memberi banyak impak positif dalam membentuk kehidupan seseorang bahkan juga dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam kalangan masyarakat. Hidup beragama menjadi aspek yang amat penting di dalam kehidupan manusia kerana ia dapat memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku, amalan serta personaliti, ketenangan emosi dalaman, keyakinan diri manusia serta kebahagiaan hidup (Mustapha 2017).

## **KESIMPULAN**

Kumpulan LGBT ini perlu dibantu secara bijaksana agar mereka kembali kepada fitrah mengikut panduan Islam yang sebenar. Mereka perlu dibimbing agar dapat keluar dari kemelut ini. Pendekatan bimbingan berteraskan Islam atau dengan input agama perlu diketengahkan dan diperluas dalam masyarakat sebagai usaha mendepani golongan minoriti seksual. Artikel ini membincangkan pemulihan dari aspek spiritual individu berdasarkan psikospiritual Nabawi. Kajian ini menemui elemen sabar, *raja'*, *khawf* dan penghayatan agama antara elemen spiritual individu yang boleh ditanam dalam diri golongan LGBT dalam usaha untuk memulihkan mereka. Kajian ini penting bagi menyumbang kepada usaha-usaha pemulihan LGBT bagi membantu mereka kembali kepada fitrah yang asal dan dapat menjalani kehidupan secara normal.

## **RUJUKAN**

- Abdul Mujib dan Yusuf Mudzakir. (2002). *Nuansa-nuansa psikologi Islam*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Ahmad M. Raba. (2001). *Major personalities in the Quran*. Kuala Lumpur: S Noordeen
- Aishah binti Hashimee, Mukhamad Hadi Musollin Subagio. (2020). The holding on to the right faith for the betterment of self and society. *Al-‘Abqari Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 22(2), Special Issue. 209-219
- Al-‘Ayni Badr al-Din Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad. (2001). *‘Umdah al-qari syarah sahih al-Bukhari*. Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Azman Ab Rahman et. al. (2019). Program pemulihan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT): Bahagian pemulihan riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*, 6(2) Special Edition (SKESA), 26-34.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad b. Isma’il. (1992). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Che Zarrina Sa’ari. (2001). Penyakit gelisah (anxiety/al-halū‘) dalam masyarakat islam dan penyelesaiannya menurut Psiko-Spiritual Islam. *Jurnal Usuluddin*, 14 (2001), 1-22
- Che Zarrina Sa’ari. (2004). Peranan tasawuf dalam pembangunan spiritual umat Islam di Malaysia dalam *Pemikiran Islam dan cabaran semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Dhiya’ al-Din Ahmad bin ‘Umar al-Qurtubi. 1996. *Al-Mufhim lima asykala min talkhis kitab Muslim*. Beirut: Dar Ibnu Kathir
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah & Mohd Jurairi Sharifudin. (2013). *Personaliti dari perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM
- Fauziah Ibrahim, et. al. (2012). Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7, 84-93
- al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (1953). *Bidayah al-nihayah*. Damsyik: Matba’ah al-Jami’ah al-Suriyyah.
- al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (2005). *Ihya’ ulum al-din*. Kaherah: Dar al-Tauzi’ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah.
- Al-Harith bin Asad al-Muḥasibi. (1929). *Al-Masa’il fi a’mal al-qulub wa al-jawarih*. Kaherah: ‘Alam al-Kutub.
- Hasnan Kassin. (2002). *Kesihatan Jasmani dan Rohani Sebagai Asas Kejayaan Menurut Islam*. Bangi: UKM.
- Al-Hilali Abu Usamah Salim bin ‘Ayd. (1997). *Bahjah al-nazirin syarh riyad al-salihin*. Riyadh: Dar Ibn Jawzi.
- Ibn Rajab Al-Hanbali Zain al-Din ‘Abd. al-Rahman bin Ahmad bin Rajab. (2004). *Jami’ ‘ulum wa al-hikam*. Kaherah: Dar al-Salam.

- Ibn Qayyim Al-Jawziyyah Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr. (1993). *Mukhtasar madarij al-salikin*. Iskandariyah: Dar Da’wah.
- Ibn al-‘Uthaymin Muhammad bin Salih bin Muhammad. (1426H). *Syarh Riyad al-Salihin*. Riyadh: Dar al-Watan li al-Nasyr.
- Jamiah Manap. (2005). Kesahan dan kebolehpercayaan inventori religiositi dan personaliti muslim. Disertasi Sarjana. Universiti Putera Malaysia.
- Khairul Anwar Mastor & Hasnan Kasan. (2008). Penghayatan agama dan kepimpinan pelajar. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan*. UTM Skudai. 22-23 Oktober 2008: 1-6
- Khatijah Othman et. al. (2020). Unearthing the psycho-spiritual values within the training module for disaster workers. *Al-‘Abqari Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 23(2), Special Issue, 9-26
- Mahfudzah Mohammad. (2015). Lesbian, gay, biseksual dan transgender: Perspektif undang-undang jenayah syariah. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*. 19, 29–36.
- Al-Makki, Abu Talib. (1997). *Qut al-qulub*. Beirut: Dar al-Kutub al- ‘Ilmiyyah.
- Al-Mubarakfuri Muhammad bin ‘Abd. Al-Rahman. (t.t.). *Tuhfah al-ahwazi*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Muhammad Idris al-Marbawi. (1993). *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Darulfikir
- Munir Ba’albaki. (1994). *Al-Mawrid*. Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin.
- Mohd Rushdan bin Mohd Jailani & Ahmad Bukhari bin Osman. (2015). Integrasi terapi psikospiritual Islam dalam modul rawatan dan rehabilitasi berasaskan TC (Therapeutic Community). *Prosiding Pre15-11 – International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015)*. 98-109
- Mustapha, R. (2017). Reka bentuk model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani. Tesis Phd. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Miskawayh Ahmad bin Muhammad bin Ya’qub. (2011). *Tahzib al-akhlaq*. Beirut: Mansyurat al-Jamal.
- Mustafa Sa’id al-Khan et.al. (1987). *Nuzhah al-muttaqin syarh riyad al-salihin*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Najati. M. U. (2001). *Al-Quran wa ‘ilm al-nafs*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Noor Hafizah Haridi & Norsaleha Mohd Salleh. (2016). Kumpulan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT): Ancaman terhadap keamanan dan keharmonian beragama di Malaysia. *Islam Realitas: Journal of Islamic & Social Studies* ,2(2), 211-218.
- Norafifah binti Ab Hamid, Nor Azlina binti Abd Wahab, Norajila binti Che Man, Mohd Nazim bin Ganti Shaari & Pg Ismail bin Pg Musa. (2015). Gejala transgender di Malaysia: Sorotan awal kajian dari perspektif Islam dan undang-undang. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 27(2015), 2.

- Noresah Baharom. (2015). *Kamus dewan edisi keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1984). *Ke arah pelaksanaan syariah Islamiyyah*. Terj. Abdul Rahman Ahmad Jerlun. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Qushayri, Abu al-Qasim ‘Abd al-Karim. (2003). *al-Risalah al-qusyhyriyyah*. Kaherah: Dar al-Khayr.
- Sharifah, M.N., Turiman, S., Syamsilah, R., Rahil, M., Haslinda, A., Ismi Arif, I., Muryid, A. (2010). *Laporan kajian fenomena merempit dan potensi remaja lasak di FELDA*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Sharifah Hayaati. (2017). Mengurus antara keluarga dan kerjaya organisasi: Analisis melalui pendekatan al-tadayun, al-maqasid dan al-wasatiyyah. *Akademika*, 87(3), 195-206,
- Suhaya Deraman et.al. (2017). Identifikasi identiti biseksual dan hubungannya dengan aspek sokongan sosial dan kesihatan mental dalam kalangan individu biseksual di melaka. *Jurnal Al-Hikmah*, 9(2), 113-130.
- Al-Suyuti ‘Abd. al-Rahman bin Abi Bakr Jalal al-Din. (1996). *Al-Dibaj ‘ala sahih Muslim*. Al-Mamlakah al-Sa’udiyah al-‘Arabiyyah .
- Uthman Jum’ah. (1999). *Madkhal li dirasah aqidah Islamiyyah*. Jeddah: Maktabah As-Sawadi li Tauzi’.
- Webster’s World Encyclopedia. (1999). New York: Webster Publishing Pty Ltd. Ed. Millennium.
- Yusof, R. (2009). Kecerdasan emosi, efikasi sendiri dan sumbangan terhadap komitmen tugas guru kaunseling sekolah menengah. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan. UKM.
- Zulkiple Abdul Ghani, & Nor Salimah Abu Mansor. (2006). Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: Analisis terhadap beberapa pandangan Al-Imam Al-Ghazali. *Prosiding National Student Development Conference (NASDEC)*. 1-19